

**TAKAFUL :  
KEPENTINGAN DAN HUKUM-HUKUM  
PERLAKSANAANNYA**

**OLEH**

**AWANGKU NOOR ASMAWI  
BIN PENGIRAN HAJI AHMAD**

**Kertas projek ini ialah satu latihan ilmiah untuk  
memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma  
Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam**



**جامعة الإسلامية العالمية ماليزيا**  
**INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA**  
**جامعة إسلامية عالمية في ماليزيا**

## **ABSTRAK**

Dalam kertas projek ini, penulis ingin menjelaskan asas-asas takaful dan insuran, hikmah, hukum-hukum dalam perlaksanaan serta penyempurnaan teori takaful. Tujuannya ialah untuk membuka minda pembaca-pembaca yang baru mengenali insuran dan juga takaful.

Penulis juga akan menyentuh masalah-masalah yang dialami oleh organisasi-organisasi takaful pada masa kini dan jalan penyelesaian masalah-masalah tersebut ke arah yang lebih baik. Penulis juga akan menghuraikan masalah-masalah takaful yang mempunyai hubungan dengan Zakat.

Di samping itu penulis juga menghuraikan masalah-masalah hukum dalam setiap perlaksanaan takaful, iaitu seperti akad takaful dan syarat-syaratnya, hukum penubuhan organisasi dan syarat-syaratnya, hukum penyertaan dengan syarat-syaratnya. Penulis juga akan berusaha membuktikan agar semua hukum-hukum dan syarat-syarat tersebut berlandaskan teori rujukan hukum dalam Islam, iaitu usul fiqh. Di akhir kertas projek ini penulis akan mengutarkan cadangan sebagai pelengkap kertas projek.

## PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya

Ak. Hj. Noor Asmawi bin Pg. Hj. Ahmad  
G 9610280

Hak cipta oleh Ak. Hj. Noor Asmawi bin Pg. Hj. Ahmad  
Dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

## **DEDIKASI**

Teristimewa untuk:

Ayahnda, Bonda yang tersayang,  
Isteriku yang tercinta,

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah swt. atas segala kurnia dan izinNya kepada saya yang telah memberikan kemampuan fizikal dan mental untuk saya menyiapkan kertas projek ini. Keampunan juga saya pohonkan atas kelemahan diri dalam menghadapi cabaran-cabaran yang didatangkan sepanjang menyiapkan kertas projek ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad saw serta para sahabat r.a.

Penghargaan yang tidak terhingga juga kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Mohd. Daud bin Bakar yang telah menyumbangkan fikiran dan pemikiran yang bernas. Segala sumbangan beliau itu hanya Allah swt. sahaja yang dapat membalasnya.

Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah-pensyarah dan tenaga pengajar kelas DAIJ II 1996/1997 yang telah mencerahkan ilmu yang sangat berharga selama saya berkursus di Universiti Islam Antarabangsa.

Terima kasih juga khas saya peruntukkan buat isteri yang tercinta Hanifah binti Hj. Jenan di atas kesabarannya juga perhatiannya yang diberikan kepada saya selama ini dan yang telah sudi untuk menyemak gaya bahasa penulisan kertas projek ini.

## KANDUNGAN

### DAFTAR ISI

Abstrak .....	ii
Pengakuan .....	iii
Penghargaan .....	vi
Kandungan .....	vii
Senarai Statut .....	xii
Senarai Kata Ringkas .....	xiii
Transliterasi .....	xiv
Pendahuluan.....	xv
Masalah Penulisan .....	xvii

## BAB PERTAMA

### ASAS-ASAS INSURAN DAN TAKAFUL

#### 1.1. NAMA-NAMA DAN JENIS-JENIS INSURAN

1.1.1. Jenis-Jenis Takaful .....	1
1.1.2. Jenis-jenis Pengendali Insuran .....	2
1.1.3. Pengendali Insuran Yang Tidak Dibenarkan Islam .....	3
1.1.4. Pengendali Insuran Yang Diragui.....	4
1.1.5.. Pelaksana Insuran Yang Dibenarkan Islam.....	4
1.1.6. Huraian Insuran Yang Tidak Dibenarkan Islam .....	5
1.1.6.1. Syarikat-Syarikat Insuran Stok .....	5
1.1.7. Huraian Syarikat-Syarikat Yang Diragui .....	5

1.1.7.1. Insuran Bersama / Insuran Kerjasam .....	5
1.1.8. Huraian Insuran Yang Dibenarkan Syarak .....	6
1.1.8.1. Takaful .....	6
<b>1.2. KEPENTINGAN ISTILAH TAKAFUL</b>	
1.2.1. Istilah Takaful Menjadi Syi'ar Islam .....	6
1.2.2. Penjagaan Nama Baik Istilah Takaful.....	8
<b>1.3. MAKNA TAKAFUL</b>	
1.3.1. Pengertian Takaful Dari Sudut Bahasa .....	11
1.3.2. Pengertian Takaful dari Istilah Syarak .....	11
1.3.3. Pengertian Takaful dari Pandangan Perniagaan .....	12

## BAB KEDUA

### KEPENTINGAN DAN HIKMAH TAKAFUL

2.1.Kepentingan Syarikat-Syarikat Takaful .....	14
2.2.Hikmah Takaful Terhadap Individu .....	15
2.3.Hikmah Takaful Terhadap Ekonomi dan Keselamatan Negara .....	17
2.4.Syi'ar Islam Dan Perpaduan Ummah .....	19
2.5.Cabaran .....	21
2.5.1. Masalah Kefahaman Masyarakat .....	21
2.5.2. Masalah Pertentangan Konsep Takaful Dengan Konsep Zakat.....	22

## BAB KETIGA

### TAKAFUL DI SUDUT HUKUM SYARAK

<b>3.1. TAKAFUL DI DALAM SYARIAT ISLAM .....</b>	<b>29</b>
<b>3.2. CIRI-CIRI PENGHARUSAN DAN PENGHARAMAN INSURAN DALAM ISLAM .....</b>	<b>34</b>
3.2.1. Gharar, Maisir Dan Riba .....	34
3.2.2. Pelaburan Modal .....	38
<b>3.3. RUKUN TAKAFUL .....</b>	<b>39</b>
3.3.1. Rukun Pertama : Pengendali Takaful .....	41
3.3.1.1. Syarat-Syarat Sah Pengendali Takaful .....	44
3.3.1.2. Rukun Kedua: Peserta Takaful .....	45
3.3.2.1. Syarat-Syarat Peserta Takaful .....	49
3.3.2.2. Bayaran Penyertaan .....	49
3.3.3. Rukun Ketiga: <i>Mudārabah</i> .....	51
3.3.3.1. Rukun-Rukun Dalam <i>Mudārabah</i> .....	53
3.3.3.2. Syarat-Syarat Dalam <i>Mudārabah</i> .....	54
3.3.3.3. Syarat Pada Peserta Dan Pengendali .....	54
3.3.3.4. Syarat Pada Modal .....	55
3.3.3.5. Syarat-Syarat Pada Keuntungan .....	57
3.3.3.6. Hukum <i>Mudārabah</i> Apabila Aqadnya Tidak Sah .....	58

3.3.3.7.Keadaan-Keadaan Yang Membatalkan Aqad <i>Mudarabah</i> .....	58
3.3.4. Rukun Keempat : <i>Tabarru'</i> .....	59
3.3.4.1.Aqad <i>Tabarru'</i> .....	61
3.3.4.2.Keahlian Untuk Memberi <i>Tabarru'</i> .....	62
3.3.4.3.Syarat-Syarat Pemberian <i>Tabarru'</i> .....	63
3.3.4.4.Hukum <i>Tabarru'</i> Dalam Takaful .....	66
3.3.4.5. <i>Wakalah</i> (Antara Pengendali Dan Peserta) Dalam Takaful .....	67
3.3.4.6.Rukun <i>Wakalah</i> Dalam Takaful .....	67
3.3.5. Rukun Kelima: Perkara Yang Dilindungi atau Dijamin .....	68
3.3.6. Rukun Keenam: Tempoh Jaminan .....	69
3.3.7. Rukun Ketujuh: Tuntutan Sumbangan .....	70
3.3.7.1.Syarat-Syarat Sumbangan Derma .....	73
3.3.7.2.Penerimaan Sumbangan Untuk Peserta Takaful .....	73
3.3.7.3.Masalah Berhubung Dengan Skim Pinjaman Pada Peserta Takaful ...	77
3.3.8. Rukun Kelapan: <i>Sighah Aqad</i> Takaful ( <i>İjab</i> Dan <i>Qabill</i> ) .....	80
3.3.8.1.Perkara-Perkara Yang Mesti Diaqadkan dalam Takaful .....	81
3.3.8.2.Lafaz <i>Aqad</i> .....	82
3.3.8.3.Aqad Takaful Bukan Aqad Jual Beli .....	84
3.3.8.4.Perkara-Perkara Yang Disunatkan Dalam <i>Aqad</i> .....	85
<b>3.4. HUKUM-HUKUM PERLAKSANAAN TAKAFUL</b>	
3.4.1. Hukum Menubuhkan Organisasi Takaful .....	85
3.4.2. Hukum Melaksanakan Pelan-Pelan Takaful .....	89
3.4.2.1. Pelan Takaful Yang Wajib Dilaksanakan .....	89
3.4.2.2.Pelan-Pelan Takaful Yang Sunat Dilaksanakan .....	95

3.4.2.3.Pelan-pelan Takaful Yang Haram Dilaksanakan .....	97
3.4.2.3.1. Skim Takaful Bon .....	97
3.4.2.4.Pelan-Pelan Takaful Yang Harus Untuk Dilaksanakan .....	102
3.4.3. Hukum Penyertaan Takaful Bagi Setiap Individu .....	104
3.4.3.1.Kesan Hukum Penyertaan Takaful sebagai Harus Dan Sunat.....	111
3.4.3.2.Syarat-Syarat Wajib Menyertai Takaful.....	112

## BAB KEEMPAT

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

4.1. Kesimpulan .....	116
4.2. Cadangan .....	116
4.2.1. Persatuan Takaful .....	116
4.2.2.Takaful Diseluruh Dunia .....	118
4.3. Penutup .....	118

## **SENARAI STATUT**

Undang-Undang Malaysia, Akta 312, *Akta Takaful 1984 Dan Peraturan-Peraturan*  
(T.T)

Undang-Undang Malaysia, *Akta Insuran* (T.T)

## **SENARAI KATA RINGKAS**

Swt.	-	Subhanahu Wa Ta'āla .
Saw.	-	Şallalahu 'Alaihi Wa Sallam.
r.a.	-	Rađiallahu 'Anhu / Rađiallahu 'Anhum
Ibid	-	Ibidem.
m.s.	-	Muka surat
Ltd. Com	-	Limited Company.
Sek.	-	Seksyen.
Juz.	-	Juzuk.
(T.T)	-	Tanpa tarikh
DBP	-	Dewan Bahasa Dan Pustaka
K.L.	-	Kuala Lumpur
TAIB	-	Tabung Amanah Islam Brunei
IBB	-	Islamic Bank of Brunei

## TRANSLITERASI

a - ʌ	r - ɔ	f - ɸ
b - ɔ	z - ɔ̄	q - χ
t - ɔ̄	s - ɔ̄w	k - χ̄
th - ɔ̄	sh - ʃ̄w	l - ɬ
j - ɛ̄	ʂ - ʃ̄	m - ɾ̄
h - ɛ̄	d̄ - ʃ̄	n - ɾ̄
kh - ɛ̄	t̄ - ɸ̄	w - ɹ̄
d̄ - ɔ̄	z̄ - ɸ̄	h̄ - ɸ̄
dh̄ - ɔ̄	gh̄ - ɛ̄	ȳ - iʃ̄

### LONG VOWELS

ʌ - ə

ɔ̄ - ɪ

ɔ̄ - ʊ

### SHORT VOWELS

- a

- i

- u

### DIPHTHONGS

ɔ̄ - aw

ɔ̄ - ay

### DOUBLE

- uwwa

- iyya

Huruf ( ɔ̄ ) ditransliterasikan sebagai ( ɔ̄ ) dan tidak disebutkan pada permulaan perkataan.

Huruf ( ɛ̄ ) ditransliterasikan sebagai ( ɛ̄ )

Huruf ( ɔ̄ ) ditransliterasikan sebagai ah pada bunyi berhenti dan at pada yang bersambung

## PENDAHULUAN

Islam ialah sebuah ugama yang syumul, iaitu syumul dalam apajua pun keadaan tempat dan zaman. Kerana itulah Islam layak menjadi sebuah ugama terakhir<sup>1</sup> sebagai rahmat untuk semua manusia hingga ke akhir zaman<sup>2</sup>.

Sebahagian dari bukti kesyumulannya ialah segenap perbuatan manusia semuanya mempunyai hukum-hukum tersendiri samada digalakkan atau difardhukan. Adapun bagi yang fardhu pula, di antaranya ada yang wajib fardhu kifayah dan ada yang wajib fardhu ‘ain. Manakala semua kejahanatan pula adalah dilarang. Di antara yang dilarang itu ada yang haram dan ada yang makruh. Manakala perbuatan-perbuatan yang tidak mendatangkan kemudarat dan kebaikan adalah harus sahaja. Oleh yang demikian, demi membuktikan kesyumulan Islam itu, setiap perbuatan mesti mempunyai hukum-hukum tersendiri. Kertas projek ini adalah untuk mengupas tentang hukum-hukum yang terdapat di dalam perlaksanaan takaful dalam Islam yang syumul itu.

Untuk menyatakan perlaksanaan takaful adalah wajib hukumnya bagi sesetengah pihak, kertas projek ini diisikan dengan huraian tentang kepentingan dan hikmah takaful kepada semua, iaitu kepentingannya untuk kerajaan Islam, individu Muslim dan dunia Islam. Di samping itu, huraian-huraian hukum perlaksanaan takaful yang terperinci juga diisikan. Perkara-perkara di atas dihasratkan supaya perlaksanaan takaful difahami dan lebih menarik lagi minat peserta-peserta. Selain itu idea-idea baru perlaksanaan takaful juga turut diutarakan. Perkara ini dihasratkan

---

<sup>1</sup> Al-Qur’ān, Sūrah al-Ahzāb, ayat 40

<sup>2</sup> Al-Qur’ān, Sūrah al-Anbiyā’, ayat 107

supaya syarikat takaful senentiasa dapat bersaing dengan syarikat-syarikat insuran konvensional.

Alhamdulillah kebanyakannya penghuraian bagi perkara-perkara di atas telah penulis dapati dari kitab-kitab fiqh. Penulis juga telah menemu-bual pegawai-pegawai yang memberi khidmat takaful dan mendapatkan borang-borang penyertaan dan contoh aqad takaful untuk menyelidiki tentang tatacara yang diamalkan di syarikat-syarikat takaful.

Selain mempelajari takaful, penulis juga membetulkan pendapat penulis sendiri terhadap konsep takaful, iaitu dari pandangan bahawa takaful adalah haram dilaksanakan kepada wajib diadakan.

Semasa menulis kertas projek ini, penulis selalu bertanya kepada kawan-kawan dan keluarga penulis mengenai pandangan mereka terhadap konsep insuran dan takaful. Puratanya mereka masih kurang arif, iaitu sama seperti penulis. Bahkan mereka masih kurang faham mengenai apa juapun selok-belok perjalanan takaful, walaupun sebenarnya mereka pernah membeli insuran ataupun menyertai takaful. Ini menunjukkan bahawa pandangan masyarakat dan penulis sendiri masih cetek terhadap takaful. Petunjuk ini merupakan petunjuk yang kurang baik bagi keperluan sebuah negara Islam yang mahu maju. Oleh itu Ilmu tentang takaful hendaklah diperluaskan, diajarkan dan dipelajari oleh semua golongan.

Mudah-mudahan kertas projek ini berjaya menyempurnakan ilmu, membetulkan pandangan dan menambah minat kita semua terhadap takaful. Amin!

## MASALAH PENULISAN

Seperti yang kita semua maklumi, takaful tidak pernah ujud pada zaman-zaman ulama mujtahidin, bahkan baru wujud dalam 20 tahun kebelakangan ini. Oleh itu penulis sebenarnya mengalami kesukaran dalam pelbagai sudut. Bahan bacaan untuk takaful adalah amat terhad sekali. Dalam usaha memberikan erti takaful yang sebenarnya dari sudut shara' pula, penulis pada mulanya kurang pasti samada mengekalkan ta'rifnya ataupun mengubahnya dengan intrepretasi masa kini ataupun memberikan intrepretasi takaful dari sudut yang lain sahaja dengan menggunakan istilah yang moden.

Bagi mengatasi dilema ini, penulis memilih untuk mengekalkan pengertian takaful dari sudut syarak dalam pengertian takaful yang asli dan kemudiannya memberikan intrepretasinya pula dengan istilah takaful perniagaan dari sudut yang lain.

Kertas projek ini juga terpaksa ditulis jauh di luar waktu yang ditetapkan oleh pihak Universiti Islam Antarabangsa kerana sebab yang tidak dapat dielakkan iaitu seperti masalah bahan rujukan yang tidak banyak, kelewatan pihak Universiti untuk memberi persetujuan tentang tajuk yang diutarakan, masalah kesibukan dengan tugas-tugas harian sebagai kadi daerah dan masalah bahasa harian penulis yang jarang menggunakan bahasa Melayu baku turut menjadi penyebab mengapa kertas projek ini begitu lama untuk disiapkan.

# BAB PERTAMA

## ASAS-ASAS INSURAN DAN TAKAFUL

### 1.1. NAMA-NAMA DAN JENIS-JENIS INSURAN

#### 1.1.1. Jenis-Jenis Takaful

##### i. Takaful Keluarga

Takaful keluarga ialah sejenis perlaksanaan takaful yang menjamin sesuatu yang bukan berbentuk harta. Takaful ini ialah seperti takaful ke atas nyawa, takaful pelajaran, kesihatan dan sebagainya.<sup>1</sup>

##### ii. Takaful Am

Takaful am pula ialah perlaksanaan takaful yang menjamin sesuatu yang berbentuk harta, seperti bangunan, kenderaan, tanah, wang, emas, setelit dan lain-lain.<sup>2</sup>

##### iii. Takaful Semula

Takaful semula ialah suatu teknik yang dijalankan oleh mana-mana perbadanan takaful iaitu dengan cara mentakafulkan semula mana-mana polisi ataupun *aqad* penjamin dan peserta kepada mana-mana syarikat takaful lain. Ini dilakukan apabila risiko yang ditanggung oleh pengendali takaful itu terlalu besar bagi membolehkan risiko yang besar itu dapat ditanggung bersama oleh kedua-dua syarikat takaful.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Mohd. Fadzli Yusof. 1996. *Takaful Sistem Insurans Islam*, Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd., m.s. 88.

<sup>2</sup> Ibid., m.s. 84.

<sup>3</sup> Ibid., m.s.114.

Contohnya ialah apabila peserta mentakafulkan sebuah kapal tangki minyak yang bernilai berjuta-juta ringgit, sedangkan syarikat takaful tersebut tidak mempunyai kemampuan sebanyak itu. Oleh itu dengan adanya sistem takaful semula ini, syarikat takaful akan mentakafulkan semula *aqad* takafulnya kepada suatu syarikat takaful yang lain supaya risiko dapat ditanggung bersama.

#### **1.1.2. Jenis-Jenis Pengendalian Insuran**

- i. **Insuran Stok.**

Insuran ini dimiliki oleh pihak-pihak tertentu. Pemilikannya adalah dengan cara penanaman modal daripada pihak-pihak tersebut. Modal itu kemudiannya dilaburkan menjadi aset syarikat untuk menjalankan urusan insuran.<sup>4</sup>

- ii. **Insuran Kerjasama.**

Insuran kerjasama ialah insuran yang mengendalikan insuran dengan kerjasama peserta-peserta insuran itu sendiri. Setiap ahli dikehendaki membayar samarata. Peserta dan pengurusnya adalah diri mereka sediri.<sup>5</sup>

- iii. **Bursa Insuran.**

Seperti juga bursa saham, bursa insuran ialah sebuah syarikat insuran semula untuk menerima pengendali-pengendali insuran yang mencari tempat bergantung apabila risiko-risiko yang mereka tanggung terlalu besar. Ianya

---

<sup>4</sup> Mark S.Dorfman. 1993. *Pengenalan Kepada Insuran*, (terjemahan): DBP Kementerian Pendidikan Malaysia K.L., m.s. 74.

<sup>5</sup> Ibid., m.s. 720.

sama seperti insuran stok, tetapi hanya menerima peserta dari kalangan pengendali insuran sahaja.<sup>6</sup>

iv. **Bursa Insuran Bersaling.**

Bursa Insuran Bersaling ialah dengan cara para pengendali insuran saling berkerjasama untung rugi sesama mereka, iaitu seakan-akan insuran kerjasama. Akan tetapi insuran ini melibatkan antara pihak pengendali insuran sahaja.<sup>7</sup>

v. **Takaful.**

Takaful ialah cantuman daripada insuran stok dan kerjasama kerana iaanya dimiliki oleh dua pihak iaitu pihak pemodal dan peserta takaful.<sup>8</sup>

### **1.1.3. Pengendali Insuran Yang Tidak Dibenarkan Islam**

- i. Syarikat-Syarikat Insuran Stok.<sup>9</sup>
- ii. Bursa Insuran.<sup>10</sup>
- iii. Insuran Hayat Bank Simpanan.<sup>11</sup>

Syarikat-syarikat ini adalah diiktiraf tidak halal dalam hukum Syara' kerana mereka menjalankan perniagaan yang diharamkan oleh Islam secara terang-terangan.<sup>12</sup>

<sup>6</sup> Ibid., m.s. 76.

<sup>7</sup> Ibid., m.s. 78.

<sup>8</sup> Mohd. Fadzli Yusof. *Takaful Sistem Insurans Islam*, m.s. 53.

<sup>9</sup> Ibid., m.s. 72.

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Ibid.

<sup>12</sup> Sila lihat bab 3 dalam kertas projek ini, Ciri-Ciri Pengharusan Dan Pengharaman Insuran Dalam Islam, m.s. 35.

#### **1.1.4. Pengendali Insuran Yang Diragui**

- i. Insuran Kerjasama<sup>13</sup> / Syarikat Insuran Bersama.<sup>14</sup>
- ii. Insuran Hayat / Asurans.<sup>15</sup>
- iii. Bursa Insuran Bersaling.<sup>16</sup>
- iv. Insuran Hayat Persaudaraan.<sup>17</sup>
- v. Blue Cross dan Blue Shield.<sup>18</sup>

Syarikat-syarikat jenis ini adalah diragui, kerana kemungkinan perlaksanaan insuran mereka ditegah Syara' adalah besar. Setiap peserta Muslim hendaklah menyelidiki terlebih dahulu setiap modal, pelaburan dan perlaksanaan *aqad* sesuatu insuran yang ingin disertainya, samada mengikut landasan Syara' atau tidak.

#### **1.1.5. Pengendali Insuran Yang Dibenarkan Islam**

- i. Syarikat Takaful.

Syarikat takaful adalah sebahagian dari pengendali insuran yang dibenarkan oleh Syara'. Untuk membolehkan sesuatu insuran itu dibenarkan oleh Islam, ianya hendaklah mempunyai syarat-syarat yang tertentu<sup>19</sup> yang akan di terangkan di dalam kertas projek ini.

---

<sup>13</sup> Lapuran Badan Petugas Bagi Menubuhkan Insuran Secara Islam, Lampiran C, Konsep Insuran Secara Islam, para 5, m.s. 8. ; *Kamus Insuran*, DBP Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur, 1995, m.s. 158.

<sup>14</sup> Mark S. Dorfman. *Pengenalan Kepada Insuran*, m.s. 74.

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Ibid.

<sup>17</sup> Ibid.

<sup>18</sup> Ibid.

<sup>19</sup> Mohd. Fadzli Yusof. *Takaful Sistem Insurans Islam*, m.s. 11.

## **1.1.6. Huraian Insuran Yang Tidak Dibenarkan Islam**

### **1.1.6.1. Syarikat-Syarikat Insuran Stok**

Syarikat-syarikat insuran ini mengamalkan sistem mereka dengan cara penanaman modal asas untuk mendirikan syarikat. Oleh itu iaanya dipunyai oleh pemegang saham tersebut, manakala pengurus dan pesertanya ialah orang lain. Untuk mengenali insuran-insuran seperti ini, pada masa ini kita hanya perlu melihat operasinya yang tidak dikaitkan dengan kerjasama dan bukan pula Takaful. Jenis Insuran seumpama ini tidak mengamalkan sistem perniagaan secara Islam, kerana masih mengamalkan *gharar*, riba dan judi dalam perlaksanaan mereka.<sup>20</sup>

## **1.1.7. Huraian Syarikat-Syarikat Yang Diragui**

### **1.1.7.1. Insuran Bersama / Insuran Kerjasama**

Jika Insuran jenis ini menggunakan semua cara yang dihalalkan oleh Islam dalam perniagaannya, maka dengan secara langsung ia akan dibenarkan oleh Syara'. Insuran jenis ini wujud di zaman sekarang ini dan juga wujud di zaman para sahabat Nabi Muhammad s.a.w.<sup>21</sup> Contoh bagi syarikat jenis ini ialah syarikat insuran sumbangan yang terkenal ialah Prudential Life Insurance Company of America,<sup>22</sup> iaitu syarikat insuran hayat terbesar di Amereka. Sistem insuran seperti ini dimiliki oleh pemegang-pemegang polisinya sendiri. Ertinya: mereka lah pengajur, peserta, pengawal, pentadbir dan pengurus syarikat berkenaan. Caruman akan dikumpul pada setiap tahun atau apabila perlu. Kerugian yang menimpa pula akan ditanggung

---

<sup>20</sup> Untuk huraian lebih lanjut mengenai Gharar, Riba dan Judi, sila lihat dalam bab 3, Ciri-Ciri Pengharusan Dan Pengharaman Insurans Dalam Islam, m.s. 35.

<sup>21</sup> Muhammad Muslehuddin. *Insurans Dalam Hukum Islam* (terjemahan Izuddin Hj. Mohamed & Abdul Rahman Rukaini) DBP K.L. Malaysia 1989.

<sup>22</sup> Mark S. Dorfman. *Pengenalan Kepada Insurans*, m.s. 74.

bersama. Wang yang terkumpul akan diberikan untuk menyelesaikan kerugian ahli-ahlinya mengikut perjanjian.<sup>23</sup>

### **1.1.8. Huraian Insuran Yang Dibenarkan Syara'**

#### **1.1.8.1. Takaful**

Takaful ialah skim insuran yang ditadbir mengikut lunas-lunas Islam. Kewangannya adalah bersih dari segi Syara' samada dari segi modal, perlaksanaan, pelaburan dan lain-lain. Sistem perlaksanaan insurannya adalah bebas dari *gharar*, judi dan juga riba. Dalam konteks pentadbiran, takaful lebih menyerupai pentabiran insuran stok dari insuran kerjasama kerana ia dimiliki oleh pemodal saham dan peserta dan dikendalikan pula oleh pihak lain. Dari sudut kewangan dan perlaksanaannya pula ianya adalah mirip kepada insuran kerjasama kerana insuran ini mengunakan sistem *Tabarru'* dan juga *Mudārabah* dalam setiap *aqadnya*.<sup>24</sup>

## **1.2. KEPENTINGAN ISTILAH TAKAFUL**

### **1.2.1. Istilah Takaful Menjadi Syiar Islam**

Penyerapan nilai-nilai Islam ke dalam sesuatu istilah adalah perlu bagi sesuatu yang berkonsep dan berpegang kepada Islam. Ini sebenarnya adalah bagi menonjolkan konsepnya yang bercirikan Islam. Di dalam kertas kerja lapuran dari badan petugas bagi menukuhan insuran secara Islam di Malaysia telah disebut:

---

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Mohd. Fadzli Yusof *Takaful Sistem Insurans Islam*, m.s. 11.

*“Sebagaimana yang telah diterangkan, insuran Islam adalah berlandaskan kepada takaful. Konsep ini adalah berbeza sama sekali dari konsep insuran yang diamalkan pada masa ini dari berbagai aspek, di mana yang yang terpenting sekali dari segi niat, prinsip dan urusniaganya. Oleh kerana itu Badan Petugas ini berpendapat adalah wajar, pada peringkat awal lagi ditanamkan dalam pemahaman orang ramai tentang rancangan takaful yang dicadangkan untuk dilaksanakan di negara ini (Malaysia). Badan Petugas mencadangkan supaya takrif takaful digunakan untuk menerangkan maksud insuran Islam dan selaras dengan itu nama badan atau syarikat yang menjalankan insuran Islam dikenali sebagai badan atau syarikat takaful.”<sup>25</sup>*

Nama Islam bagi sesebuah organisasi yang besar, boleh mengembangkan *syi'ar* Islam. Dari nama tersebut orang bukan Muslim boleh melihat dan mengatakan bahawa ugama Islam itu mampu melaksanakan apa saja yang berkebajikan. Mereka akan melihat bagaimana ugama Islam itu boleh maju. Mereka akan sedar bahawa Islam itu tidak menghalang kemajuan. Oleh itu masyarakat Muslim dan bukan Muslim akan mengambil perhatian kepadanya. Sebenarnya kebanyakan orang bukan Muslim telah tahu bahawa sesuatu yang berkonsep dan bernama Islam lebih meyakinkan dan jujur dalam konteks pengurusan. Hal ini sejajar dengan Firman Allah s.w.t. maknanya:

*“Dan begitulah Kami telah menjadikan kamu umat pilihan, yang mengakibatkan kamu menjadi pengurus dan penuntun manusia dan supaya Rasul menjadi pengawas terhadap kamu”<sup>26</sup>*

Oleh itu tidak syak lagi bahawa istilah Takaful adalah suatu *syi'ar* Islam yang tidak boleh dipandang ringan.

<sup>25</sup> Lapuran Badan Petugas Bagi Menubuhkan Insurans Secara Islam Di Malaysia, Para 2.8.1., m.s. 27.

<sup>26</sup> Al-Qur'an, Sūrah al-Baqarah, ayat 143. ; Lihat juga Prof. T.M. Hasbi Ash Shiddieqy. (T.T.) *Tafsīr al-Bayān*, Sakun Book Service, Singapura, m.s. 227.